

KUCHING, 21 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MUNGKIN MENGUMUMKAN HARGA KERETA NASIONAL, PROTON SAGA 1300CC DAN 1500CC DI SINI SEBELUM KEMBALI KE KUALA LUMPUR SABTU INI.

+SAYA MUNGKIN BERBUAT DEMIKIAN SEBELUM PULANG KE SANA,+ KATANYA KEPADA PARA WARTAWAN SELEPAS MERASMIKAN OPERASI PEMASANGAN TRAK-TRAK PASIFIK YANG DIUSAHAKAN OLEH KUMPULAN INCHCAPE SDN. BHD. DI SINI PETANG INI. TRAK-TRAK ITU DIPASANG DI KILANG SARAWAK MOTOR INDUSTRY (SMI).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU AMAT BERBANGGA JIKA DAPAT MENGUMUMKAN HARGA-HARGA PROTON SAGA ITU SEKARANG, TETAPI SEHINGGA INI, BELIAU BELUM MENERIMA BUTIR-BUTIR TERPERINCI DAN HARGA CADANGAN DARI PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON).

MENURUTNYA, PENGUMUMAN ITU TIDAK DAPAT DIBUAT SEHINGGA PIHAK PROTON MENGEMUKAKAN PERKARA-PERAKRA ITU UNTUK DIPERSETUJUI.

DI KUALA LUMPUR SEMALAM, Pengerusi Proton, Tan Sri Jamil Jan berkata pengumuman mengenai harga Proton Saga itu akan dibuat oleh Perdana Menteri tidak lewat dari 1 Sept. ini -- LAGI.

2047MST 21 08 85

#### MAHATHIR - SAGA 2 KUCHING

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN OPERASI PEMASANGAN TRAK-TRAK PASIFIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PEMBABITAN NEGARA DALAM INDUSTRI MEMBUAT KERETA SENDIRI ADALAH UNTUK MENIMBA PENGALAMAN DAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN LOGAM.

MENURUTNYA, KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN DALAM BIDANG ITU, KHUSUSNYA DALAM MENGELUARKAN PROTON SAGA, MERUPAKAN TITIK PERMULAAN USAHA KERAJAAN UNTUK BERKEMBANG DAN BERTAPAK DALAM INDUSTRI-INDUSTRI LAIN YANG BERKAITAN.

+SAYA PERNAH DITANYA MENGAPA MALAYSIA MENGELUARKAN KERETA SENDIRI SEDANGKAN KITA MENGHADAPI MASALAH KERANA PASARANNYA BELUM PASTI.

+BAGAIMANAPUN BAGI SAYA, JAWAPANNYA SAMA SEPERTI MATLAMAT NEGARA-NEGARA PENGELUAR KERETA LAIN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN PADA MULANYA NEGARA AKAN MENGHADAPI MASALAH KERANA TIDAK MEMPUNYAI KEPASTIAN PASARANNYA, DALAM JANGKA MASA PANJANG PASTI AKAN MENGUNTUNGGAN TERUTAMA DARIPADA SEGI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN KEJURUTERAAN AUTOMOBIL.

-- LAGI.

2053MST 21 08 85

#### MAHATHIR - SAGA 3 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN MENGGALAKKAN USAHA MEMPERTINGKATKAN BIDANG INDUSTRI DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI PERCAYA MALAYSIA DAPAT MENCAPAI MATALAMT MENJADI NEGARA INDUSTRI BERAT, ANDAINYA USAHA UNTUK MEMPERKEMBANGKAN SEKTOR INDUSTRI DIJALANKAN DENGAN TERATUR DAN LICIN.

PENGALAMAN, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG DIPEROLEHI HASIL PEMBABITAN NEGARA DALAM SEKTOR BERKENAAN PASTI MENJADI DAYA PENGGERAK KE ARAH MEWUJUDKAN BIDANG INDUSTRI YANG LEBIH BERJAYA DAN MENGUNTUNGGAN NEGARA, KATANYA. -- BERNAMA.

2059MST 21 08 85